

# Sorotan Literatur Keperluan Membina Kerangka Literasi Undang-undang untuk Melindungi Mangsa Jenayah Seksual Kanak-kanak

**BITARA**

Volume 8, Issue 1, 2025: 263-274  
 © The Author(s) 2025  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 11 February 2025  
 Accepted: 28 February 2025  
 Published: 14 March 2025

## [Literature Review on The Need to Build a Legal Literacy Framework to Protect Child Sexual Crime Victims]

Asma' Abd.Aziz<sup>1</sup> & Wafaa' Yusof

<sup>1</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
 E-mail: P115041@ siswa.ukm.edu.my; wafaa@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: P115041@ siswa.ukm.edu.my

### Abstrak

Menurut laporan berita *Malaysia Gazette*, kes jenayah seksual kanak-kanak menunjukkan trend peningkatan dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan ini di Malaysia. Keseluruhannya, kanak-kanak yang menjadi mangsa antara tahun 2017 sehingga 2023 adalah sebanyak 6,990 kes telah direkodkan. Keterlibatan dan pemahaman masyarakat termasuk ibu bapa yang rendah mengenai jenayah seksual kanak-kanak menjadi salah satu punca fenomena ini semakin meningkat. Malahan dengan sikap kurang peka terhadap perilaku seksual mampu mencederakan serta merosakkan kanak-kanak. Ketidakpekaan ini membawa kepada pengabaian dan kecuaian ibu bapa serta masyarakat untuk mempertahankan serta melindungi hak kanak-kanak dari jenayah seksual. Kertas ini bertujuan untuk mengkaji keperluan membina kerangka literasi undang-undang bagi melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual dan menganalisis perlindungan undang-undang mengenai jenayah seksual kanak-kanak menurut sivil dan hukum syarak. Data bagi kajian ini diperoleh menerusi kaedah kepustakaan serta kajian perbandingan dan dianalisis secara tematik dan komparatif. Kajian mendapati bahawa ibu bapa dan masyarakat perlu mempunyai pengetahuan dalam undang-undang jenayah seksual bagi memahami tanggungjawab mereka untuk melindungi kanak-kanak dari eksploitasi seksual dan menjadi mangsa jenayah seksual. Usaha ini adalah bertujuan memberi keadilan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa serta membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab sebagaimana diusulkan dalam matlamat pembangunan mampan (SDG) 16 untuk membina keamanan, keadilan dan institusi yang kuat. Namun, kepentingan kanak-kanak apa pun juga hendaklah menjadi keutamaan.

**Kata kunci:** Jenayah seksual, kerangka literasi undang-undang

### Abstract

**Abstract:** According to the *Malaysia Gazette* news report, cases of child sexual crimes have shown an increasing trend over the past seven years in Malaysia. Overall, 6,990 cases of child victims were recorded between 2017 and 2023. Low involvement and understanding regarding child sexual crimes by society including parents has become one of the causes for this increasing phenomenon. Moreover, a lack of awareness about sexual behavior can harm and damage children. This insensitivity leads to neglect and negligence by parents and society in defending and protecting children's rights from sexual crimes. This paper aims to examine the need to build a legal literacy framework to protect children who are victims of sexual crimes and to analyze legal protection regarding child sexual crimes according to civil and Sharia law. Data for this study was obtained through literature review and

comparative studies and was analyzed thematically and comparatively. The study found that parents and society need to know sexual criminal law to understand their responsibility to protect children from sexual exploitation and becoming victims of sexual crimes. This effort aims to provide justice to child victims and form a more responsible society as proposed in Sustainable Development Goal (SDG) 16 to build peace, justice, and strong institutions. However, the interests of children must always be the priority.

**Keywords:** Sexual crimes, legal literacy framework



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Asma' Abd.Aziz<sup>1</sup> & Wafaa' Yusof. (2025). Sorotan Literatur Keperluan Membina Kerangka Literasi Undang-undang untuk Melindungi Mangsa Jenayah Seksual Kanak-kanak [Literature Review on The Need to Build a Legal Literacy Framework to Protect Child Sexual Crime Victims]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 263-274.

## Pengenalan

Kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak kian meningkat dan menjadi kerisauan setiap lapisan masyarakat khususnya ibu bapa. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Undang-undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, kes jenayah seksual kanak-kanak ini menunjukkan *trend* peningkatan dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan ini (BuletinTV3.my 2024). Menurutnya lagi, sebanyak 110 kes yang melibatkan kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke bawah telah direkodkan pada tahun 2023. Manakala jumlah keseluruhan kanak-kanak yang menjadi mangsa antara tahun 2017 sehingga 2023 adalah sebanyak 6,990 kes direkodkan dengan 1,570 kes bagi tahun 2023 sahaja. Dalam pada itu, peratusan majoriti adalah mangsa yang berumur sekitar 13 sehingga 15 tahun (*MalaysiaGazette.com* 2024). Statistik menunjukkan penurunan 3.1 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 yang mempunyai rekod 1,621 kes. Namun, jika dibandingkan dengan kes pada tahun 2021 iaitu 1,481 kes, ianya masih tidak menunjukkan pengurangan, tetapi peningkatan sebanyak 6 peratus. Data statistik ini hanya berkaitan dengan kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis dan tidak semestinya memberi gambaran keseluruhan jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia. Bahkan bilangan kes sebenar mungkin lebih tinggi daripada data yang diperolehi. Pelaporan kes yang kurang terutamanya pelaporan oleh kanak-kanak menjadi antara isu utama dalam membantera jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak ini (*MalaysiaGazette.com* 2024; *MalaysiaKini.com* 2024). Perbuatan seksual yang dilihat semakin menjadi sesuatu yang normal tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat terutama dalam sesebuah institusi keluarga. Mangsa perlu berani untuk membuat aduan supaya jenayah ini dapat dibantera dengan lebih berkesan. Oleh itu, golongan ibu bapa khususnya dan juga masyarakat perlu lebih peka dan cakna dengan tanggungjawab mereka serta mempunyai pengetahuan tentang jenayah seksual kanak-kanak ini bagi melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa.

## Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah analisis kandungan turut digunakan dengan merujuk kepada perolehan data primer dan sekunder yang berkaitan kajian seperti peruntukan undang-undang Malaysia, artikel jurnal, tesis penyelidikan, laporan akhbar, kitab-kitab *fiqh* klasik dan kontemporari. Selain itu, pendekatan secara perbandingan antara -undang Malaysia dan Islam berdasarkan elemen pembelaan dan pencegahan bagi melihat kepada keperluan membina kerangka literasi undang-undang kepada ibu bapa dan masyarakat.

### Jaminan dan Perlindungan Berkaitan Jenayah Seksual Kanak-kanak dalam Undang-undang Malaysia

Bagi kes jenayah seksual kanak-kanak, terdapat beberapa peruntukan akta yang secara tidak langsung digunakan dalam perbicaraan kes yang melibatkan jenayah seksual kanak-kanak dan juga peruntukan khusus berkenaan. Keseluruhannya, terdapat 3 peruntukan yang mengawal selia berkaitan jenayah seksual kanak-kanak iaitu Akta 574 Kanun Keseksaan, Akta 611 Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta 792 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Maka, bergantung kepada fakta dan bukti, sekiranya seseorang yang melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak, dia boleh didakwa di bawah mana-mana peruntukan, salah satu atau lebih dalam kesalahan jenayah tersebut.

Kanun keseksaan (Akta 574) berperanan sebagai “*general provision*” iaitu peruntukan am dan juga akta ibu kepada jenayah-jenayah di Malaysia, maka undang-undang ini tertakluk juga kepada jenayah seksual yang berlaku kepada kanak-kanak. Ia juga turut digunakan terhadap kanak-kanak apabila tiada peruntukan khusus dalam akta kanak-kanak 2001 dan akta kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2017. Keseluruhannya, terdapat 15 peruntukan dalam akta ini yang berkaitan jenayah seksual kanak-kanak.

Akta kanak-kanak 2001 (Akta 611) merupakan undang-undang utama di Malaysia yang berkaitan dengan perlindungan serta kebajikan kanak-kanak. Ianya mula berkuatkuasa pada tahun 2001 dan tahun 2016, Akta ini telah dipinda bagi memperbaiki perlindungan terhadap kanak-kanak. Mahkamah juga boleh mengenakan perintah khidmat komuniti untuk pemulihan terhadap pelaku serta tahap penalti telah ditingkatkan di bawah Akta ini setelah pemindaan. Keseluruhannya, 19 seksyen dalam Akta ini digunakan bagi mengendalikan kes jenayah seksual kanak-kanak khususnya sebagai mangsa. Sistem Daftar Kanak-kanak (DKK) yang ditubuhkan pada tahun 2017 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti bertujuan membolehkan ibu bapa, individu atau majikan untuk membuat semakan bagi memastikan individu yang diupah untuk menguruskan kanak-kanak tidak mempunyai sebarang rekod jenayah seksual kanak-kanak. Maklumat berkaitan senarai pesalah di dalam sistem DKK adalah sulit dan hanya boleh diperolehi atas permintaan kepada Ketua Pengarah di Jabatan Kebajikan Masyarakat (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat; Lim Kah Cheng et al. 2000).

Manakala, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) (setelah ini menggunakan Akta 792) merupakan undang-undang khusus yang bertujuan untuk

melindungi kanak-kanak daripada eksplorasi serta penderaan seksual. Lim Kah Ceng et al. (2000) menjelaskan, penguatkuasaan akta ini bermula pada bulan Julai 2017 dan ianya diperuntukkan untuk beberapa kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tidak diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-kanak. Sebagai contoh, kesalahan penggunaan media sosial bagi tujuan pengantunan (*grooming*) serta mencari mangsa dalam kalangan kanak-kanak dan melakukan jenayah seksual terhadap mereka. Antara kesalahan baharu yang telah diperuntukkan di bawah akta ini adalah berkaitan dengan pornografi, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*), amang seksual fizikal dan bukan fizikal terhadap kanak-kanak serta hukuman terhadap kesalahan-kesalahan tersebut juga telah bertambah. Secara keseluruhannya, terdapat 17 seksyen dalam Akta 792 bagi mengendalikan kes ini.

Selain itu, penyelidikan berkenaan pembinaan kerangka literasi atau jaminan perundangan telah dibincangkan oleh pengkaji lain dalam tema yang berbeza, namun dalam jenayah seksual kanak-kanak secara khusus dari sudut syarak adalah terhad. Antara kajian yang dilakukan adalah kajian tesis doktor falsafah mengenai jaminan undang-undang dan syarak dalam jenayah seksual autisme oleh Zuraini Yaakub. Namun kajian ini hanya bertumpu pada individu autisme termasuk kanak-kanak yang menjadi mangsa, tidak secara keseluruhannya. Begitu juga dalam penulisan tesis sarjana oleh Siti Amalina (2014) menumpukan kepada keperluan untuk membina kerangka perundangan hukum sebatan dengan rotan ringan terhadap pesalah muda di Mahkamah Syariah. Kajian tersebut tidak melibatkan jenayah seksual kanak-kanak serta tertumpu pada perundangan syariah Malaysia dan pandangan fuqaha' mengenainya. Tidak dinafikan juga terdapat kajian yang membincangkan perbandingan undang-undang dan hukum syarak dalam jenayah seksual daripada cendekiawan Islam yang lain iaitu dari negara Mesir yang ditulis oleh *al-Mehlāwī* pada tahun 2019 yang bertajuk "*Jarīmat al-Taḥarrusy al-Jinsi Fī al-Qānūn al-Jinā'i Wa al-Fiqh Islāmī*". Kajian ini meliputi keseluruhan berkaitan jenayah seksual secara umum dan dianalisis secara komparatif antara perundangan negara Mesir dan Islam dari sudut nas-nas, unsur serta hukuman untuk menghadapi jenayah tersebut. Walaupun tidak dinyatakan secara khusus mengenai kanak-kanak, namun ianya turut termasuk dalam kajian tersebut.

## **Jaminan dan Perlindungan Berkaitan Jenayah Seksual Kanak-kanak Menurut Islam**

Bagi perundangan Islam di Malaysia, bidang kuasa syariah bagi jenayah seksual kanak-kanak hanyalah terhad kepada kanak-kanak sebagai pelaku sahaja bukan mangsa kerana kesalahan jenayah boleh dianggap sebagai jenayah tanpa mangsa dalam pelaksanaan penguatkuasaannya (Siti Zubaidah Ismail 2008). Sebagai contoh, kesalahan persetubuhan luar nikah, khawat dan sumbang mahram. Terma pesalah muda digunakan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Malaysia bagi kanak-kanak berumur lebih 10 tahun dan bawah 16 tahun yang melakukan jenayah. Namun, pentakrifan yang berbeza dari sudut kategori umur pesalah muda yang diberikan enakmen negeri-negeri menyebabkan ketidakselaras dalam penguatkuasaan perundangan tatacara jenayah syariah antara negeri dengan penghakimannya. Majoriti Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri memberi takrifan pesalah muda sebagai mereka yang berumur lebih 10 tahun dan bawah 16 tahun, namun terdapat juga negeri yang

memberi takrifan pesalah muda sebagai mereka yang berumur bawah 18 tahun. Wujud juga ketidakseragaman antara perundangan jenayah syariah dengan tatacara jenayah, iaitu perundangan jenayah syariah negeri-negeri tidak menggunakan istilah pesalah muda tetapi istilah baligh ditakrifkan serta turut dijelaskan kedudukan kanak-kanak yang belum baligh dalam perundangan tersebut (Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof 2012). Terdapat usaha untuk mengharmonikan penggunaan istilah ini antara dua perundangan, namun setakat ini ketetapan tahap umur dan istilah ini terletak di bawah kuasa masing-masing. Walaupun begitu, Islam secara keseluruhannya tidak menafikan hak kanak-kanak yang menjadi mangsa khususnya dalam jenayah seksual bahkan menyediakan jaminan dalam menjaga keselamatan kanak-kanak.

Jenayah seksual menurut undang-undang Islam merupakan satu jenayah moral yang menjelaskan tubuh badan mangsa dengan cara yang melanggar syariat Islam. Tubuh badan adalah satu amanah oleh Allah SWT untuk dilindungi dan dipelihara dari pelbagai jenis serangan ke atasnya yang bermula dengan pandangan mata yang mengkhianati (^Ali Quṭb 2008; Imān Mas'ūdī 2017). Bagi isu jenayah seksual kanak-kanak, tidak dinyatakan secara spesifik dalam al-Quran, namun terdapat pemahaman tentang konsep jenayah seksual secara umum yang jelas dan nyata. Perbuatan isteri al-^Aziz kepada nabi Yūsuf AS merupakan salah satu bentuk jenayah seksual yang boleh dilihat. Ianya dirakamkan dalam al-Quran yang memperlihatkan tentang nabi Yūsuf AS digoda oleh isteri al-^Aziz di rumahnya (al-Mehlāwī 2019). Firman Allah SWT:

وَرُوَدْتِهُ اللَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابِ وَقَالَتْ هَذِهِ لَكِ ...  
⑯

Maksudnya: Dan perempuan yang *Yūsuf* tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk *Yūsuf* berkehendakkan dirinya; dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata: "Marilah ke mari, aku bersedia untukmu" ... (23) (Al-Quran, Surah Yūsuf, 12:23)

Menurut tafsiran *al-Qurṭubī* (2006) dalam karangannya "al-Jāmi' li Ahkāmi al-Quran", individu yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah isteri al-^Aziz iaitu beliau meminta nabi Yūsuf AS untuk melakukan perbuatan terkutuk kepadanya. Perkataan *al-murāwadah* yakni menggoda atau memikat berasal daripada perkataan *al-irādah* yakni permintaan yang dipohon secara lemah lembut. Ayat yang disebut isteri al-^Aziz, iaitu "marilah, aku bersedia untukmu", ianya menunjukkan niatnya untuk mengajak nabi Yūsuf mendekati dirinya dan ianya merupakan satu kalimah yang mendorong untuk melakukan sesuatu yang bersifat seksual. Tuntasnya, jenayah seksual merupakan satu perbuatan yang haram dan ianya dikategorikan sebagai jenayah yang dikenakan dengan hukuman takzir kerana perbuatan tersebut merupakan jalan untuk melakukan jenayah zina. Sepertimana dalam firman Allah SWT:

كَذِلِكَ لِتَصْرِفَ عَنْهُ أَسْوَاءَ وَالْفُحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ ...  
⑭

Maksudnya: ...Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari *Yūsuf* perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana

sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa  
(24) (Al-Quran, Surah Yūsuf, 12:24)

Menurut tafsiran *ar-Rāzī* yang dipetik oleh al-Mehlāwī (2019), *al-sū'* disini merupakan jenayah tangan serta permulaan kepada perkara keji seperti ciuman dan pandangan penuh syahwat. Manakala *al-faḥsyā'* adalah zina. Tafsiran *al-Qinwājī* (1992) menyebut, ianya adalah nafsu syahwat dan perbuatan tidak senonoh secara langsung dan merupakan perkara yang dikeji. Maka, jenayah seksual juga termasuk di dalam kategori yang dimaksudkan dan ianya merupakan permulaan kepada perkara yang buruk dan keji. Malah ianya juga merupakan provokasi seksual yang melanggar kesopanan, moral dan agama sepetimana yang berlaku kepada nabi Yūsuf AS (al-Mehlāwī 2019).

Menurut Mursi (2007), Islam menyediakan jalan penyelesaian dalam menangani isu jenayah seksual. Berdasarkan hadis nabi SAW iaitu:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْعَاصِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : مُرُوا أُولَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَنْعٍ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Maksudnya: Daripada <sup>c</sup>Abdullah Bin <sup>c</sup>Amrū Ibn al-<sup>c</sup>Āṣ telah berkata: Rasulullah SAW bersabda: Perintahkanlah anak-anak kalian untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika tidak mahu melakukannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka. (al-Albānī, Ṣahīh Abī Dāwud, Ṣahīh Sunan Abī Dāwud, Bāb Mata Yu'maru al-Ghulāmu Bi al-Šolātī, no. 495)

Ianya menunjukkan bahawa kanak-kanak perlu diberikan pendidikan awal dan diasuh dengan didikan Islam sejak kecil. Dalam hal yang menyebut tentang membezakan tempat tidur anak-anak berlainan jantina apabila mencapai umur tertentu merupakan satu kaedah untuk menutup pintu kejahatan dan menunjukkan tentang kepentingan melindungi kanak-kanak serta menutup jalan yang boleh membawa mereka kepada perkara yang haram. Membiaran mereka berkongsi tempat tidur boleh membawa kepada satu jalan yang ianya sama ada secara sengaja atau tanpa sengaja atau kemungkinan wujud sifat ingin tahu kepada keghairahan seksual yang membawa kepada bahaya dan akibat yang perlu dielakkan (Universiti al-Azhar & UNICEF 2016).

Hadis ini menggabungkan tiga elemen penting iaitu, didikan iman, tingkah laku dan menutup pintu kemungkaran dan kejahatan. Berdasarkan kitab “*Dalīl al-Fālihīn Li Turūqi Riyādi al-Šālihīn*” karangan *al-Asy’ārī* (1938), petikan “pisahkanlah tempat tidur di antara mereka” bermaksud orang yang sudah *mumayyiz* tidak boleh berkongsi tempat tidur dengan yang lain. Manakala menurut *as-Saqāf*, apabila kanak-kanak mencapai umur sepuluh tahun, mereka hendaklah dipisahkan dan khususnya antara lelaki dan perempuan kerana pada umur ini merupakan permulaan memasuki peringkat baligh dan pengetahuan tentang syahwat.

Tuntasnya, Para fuqaha telah menetapkan satu kaedah iaitu, “*Mā Adā Ilā al-Harām Fa Huwa Harām*” yang bermaksud setiap perkara yang membawa kepada haram, dikira sebagai

haram. Misalnya, jenayah zina diharamkan, maka semua permulaan dan sebab yang membawa kepadanya juga dikira haram. Maka, setiap perbuatan yang termasuk dalam kategori ini boleh dihukumkan sebagai hukuman takzir. Oleh itu, peruntukan undang-undang berkenaan jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia ini adalah bertepatan dengan kaedah ini.

## **Keperluan Membina Literasi Undang-undang Kepada Ibu Bapa dan Masyarakat**

### **Pengabaian Ibu Bapa dari Sudut Emosi dan Seksual Terhadap Kanak-kanak**

Masalah pengabaian serta kecuaian terhadap kanak-kanak telah lama wujud dalam kalangan ibu bapa dan penjaga meskipun terdapat peruntukan undang-undang yang mengawalnya. Pengabaian boleh datang dalam pelbagai bentuk, antaranya adalah pengabaian seksual dan emosi. Kedua-dua jenis ini sangat berkait rapat antara satu sama lain. Pengabaian seksual didefinisikan sebagai penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti seksual sama ada kanak-kanak tersebut faham apa yang dilakukan atau tidak faham kesan daripada keizinan yang diberikan. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada keizinan yang diberikan mahupun tindakan yang dilakukan dan ianya adalah suatu yang melanggar undang-undang (Ramzi Zakaria 2015; Izzah, Wafaa' & Zuliza 2019). Sementara Kasmini Kassim (1998) mendefinisikan pengabaian emosi sebagai satu trauma psikologi yang mencerobohi lapisan perlindungan minda sehingga minda seseorang itu terganggu untuk jangka masa pendek atau panjang mengikut kesan daripada trauma yang berlaku. Pengabaian serta kecuaian emosi juga adalah kesan daripada fizikal atau seksual yang dialami kanak-kanak yang terlibat disebabkan sikap kealpaan dan pengabaian ibu bapa itu sendiri dalam mengawasi anak-anak mereka (Ramzi Zakaria 2015).

Pengabaian emosi oleh ibu bapa telah memberi kesan yang mendalam terhadap diri anak mereka yang menjadi mangsa jenayah seksual kanak-kanak dan boleh mengakibatkan berlakunya situasi tidak diingini lebih teruk. Antara tindakan yang dilakukan adalah bersegera dalam mengahwinkan anak mereka, mengecam dan tidak memberi sokongan moral apabila mereka disahkan terlibat dengan jenayah seksual tanpa usul periksa dan memandang enteng terhadap aduan mereka. Berdasarkan laporan berita Berita Harian Online oleh Nor Afzan dan Mahani Ishak (2017), menurut Dr Suzaily Wahab, Pakar Psikiatri Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, jenayah seksual kepada mangsa kanak-kanak memberi impak jangka pendek dan panjang. Namun, paling diutamakan ialah membina pelan perawatan yang tepat dan berkesan untuk meminimumkan kesan jangka panjang kepada mangsa kerana ianya tidak berakhir dengan penangkapan pelaku. Proses penyembuhan yang sempurna bagi mangsa adalah dengan memberikan sokongan penuh yang berterusan dan tidak berbelah bagi daripada semua pihak.

Wujud ketidakwajaran tindakan ibu bapa dalam membela hak anak mereka yang menjadi mangsa jenayah seksual kanak-kanak. Mereka lebih mementingkan kepentingan diri dan keluarga daripada hak mangsa. Sepertimana di dalam laporan berita Astro Awani oleh Munirah A Sani yang bertajuk "Kahwin Kerana Telah Diperkosa, Kata Bapa Remaja Cerai

Talak Tiga” (2013), iaitu si bapa telah bertindak untuk mengahwinkan anak perempuannya yang diperkosa kepada pelaku. Berdasarkan kes, jelas menunjukkan bahawa anak perempuan tersebut tidak mendapat hak keadilan yang sepatutnya dia terima dan juga tindakan si bapa tersebut seolah-olah lebih memihak kepada pelaku berbanding anaknya yang menjadi mangsa tanpa membuat perbincangan. Tindakan mengahwinkan mangsa dengan perogolnya merupakan satu tindakan yang salah dan tidak boleh dianggap sebagai satu penyelesaian. Ianya bukan mendatangkan *maṣlahah* kepada kanak-kanak tersebut malah memberi kesan trauma yang mendalam kepada mangsa untuk menghadapi kehidupan yang mendatang. Hasil dapatan kajian oleh Farahwahida et al. (2019), faktor perkahwinan kanak-kanak di Malaysia menunjukkan majoriti yang berlaku bukan kerana *maṣlahah* kanak-kanak tersebut, tetapi ingin menutup aib atau maruah keluarga. Menurut kenyataan Noor Aziah dan Mohd Al Adib (2018) yang juga dipersetujui oleh Nik Rahim et al. (2020), segelintir ibu bapa yang tidak mempunyai sistem sokongan intervensi lebih cenderung untuk menjadikan perkahwinan kanak-kanak sebagai satu jalan penyelesaian yang utama sebagai pilihan.

## Ketidakpekaan Ibu Bapa Mengenai Jenayah Seksual Kanak-Kanak

Kepekaan ibu bapa mengenai jenayah seksual kanak-kanak perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan anak-anak mereka menjadi mangsa. Mereka juga perlu peka dengan tindakan, tingkah laku serta aduan daripada anak-anak yang berkemungkinan mempunyai potensi atau telah menjadi mangsa jenayah seksual. Persekutaran anak-anak juga perlu diberi perhatian, susulan daripada kemungkinan pelaku jenayah seksual ini berlegar dalam kalangan ahli keluarga atau dalam definisi lain, mempunyai konflik kepentingan dengan anak-anak. Begitu juga dalam penggunaan media sosial dan internet kerana ia membawa kemungkinan berlakunya pengantunan seksual dalam talian. Kenaifan kanak-kanak menjadikan mereka mudah terdedah serta terpengaruh dengan anasir-anasir negatif dan boleh menjadi sasaran kepada pelaku seksual (Asmi Asmidar et al. 2018). Peluang untuk berlaku lebih besar melihat kepada zaman kini majoriti menggunakan gajet dan melayari media sosial secara berleluasa. Pengantunan sama ada berlaku dalam talian atau luar talian merupakan satu bentuk permulaan yang membawa kepada kesan penderaan seksual kepada kanak-kanak yang perlu dibanteras.

Menurut Mursi (2009), gangguan seksual terhadap kanak-kanak ini merupakan jenayah tersembuni kerana kesukaran untuk menganggarkan bilangan orang yang terdedah dengan beberapa bentuk jenayah seksual pada waktu kecil. Menurut Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri (2017), kes berkaitan jenayah seksual kanak-kanak ini juga jarang dilaporkan oleh ibu bapa atau penjaga mangsa kepada pihak berkuasa disebabkan kurang pendedahan serta pendidikan tentang masalah ini dan cara untuk mengelakkannya (Mohammad Hazim et al. 2019). Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak tidak mendedahkan mengenai pendedahan mereka kepada serangan seksual dan walaupun mereka menghabarkannya, terdapat kemungkinan timbul halangan lain seperti tidak mendapatkan sokongan yang sewajarnya daripada keluarga. Selain itu, kebanyakan reaksi dan tindakan keluarga menunjukkan tiada sokongan dan usaha mencari jalan keluar untuk menyelesaiannya (Mursi 2007). Kenyataan ini bertepatan dengan kajian Mohammad Hazim et al. (2019) yang mengambil petikan daripada Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri (2017), bahawa faktor

lain yang menjadi sebab jenayah seksual tidak dilaporkan adalah kerana wujud konflik kepentingan atau hubungan yang signifikan dengan mangsa. Walaupun mangsa telah membuat aduan kepada ibu bapa atau penjaga, namun mereka tidak mempercayai aduan mangsa dan adakala wujud perasaan malu untuk berhadapan dengan masyarakat jika isu ini dilaporkan dan diperbesarkan.

Menurut Ramzi Zakaria (2015), masa depan kanak-kanak semakin terjejas akibat daripada sikap ibu bapa atau penjaga yang tidak bertanggungjawab dan tidak ambil peduli dalam mengawal sepenuhnya keadaan diri anak tersebut. Oleh itu, penjagaan serta kepekaan ibu bapa perlu dipertingkatkan supaya pengawasan diri dan persekitaran terjamin daripada perkara yang boleh merosakkan maruah kanak-kanak. Hal ini turut ditekankan oleh Nur Saadah dan Siti Aishah (2017), iaitu ibu bapa merupakan sasaran utama selain daripada masyarakat dan kerajaan yang dicadangkan untuk lebih prihatin dan peka dalam memerhatikan kanak-kanak dan mereka perlu mendapatkan ilmu pengetahuan tentang isu ini agar tidak terlepas pandang apabila berlakunya sesuatu kepada anak mereka. Menurut Eka Najihah, Azizah dan Zarina (2020), dengan merujuk kepada Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792), ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang tindakan undang-undang yang boleh diambil untuk membela hak anak mereka.

## Pengaruh Stigma Masyarakat dalam Tindakan Ibu Bapa

Masyarakat juga memainkan peranan penting bagi membanteras isu jenayah seksual kanak-kanak. Stigma masyarakat terhadap mangsa kanak-kanak jenayah seksual menjadi kunci dalam isu ini di samping perlunya pengetahuan yang mendalam mengenainya, kerana ianya juga berkait rapat dengan tindakan ibu bapa terhadap anak mereka yang menjadi mangsa. Hal ini dapat dilihat dalam tindakan ibu bapa yang mengahwinkan anak mereka yang menjadi mangsa seksual adalah untuk menutup malu dan menjaga maruah keluarga agar tidak dipandang serong oleh masyarakat (Farawahida et al. 2019).

Kajian mendapati perkahwinan sering dilihat sebagai satu solusi untuk suatu masalah oleh ibu bapa serta masyarakat yang dipengaruhi oleh norma-norma agama atau sosio-budaya dan adakala mereka tidak cakna akan adanya penyelesaian lain bagi menghadapi situasi seperti ini (UNICEF 2022). Menurut laporan berita Utusan Malaysia oleh Nor Afzan Mohamad Yusof (2024), Datuk Dr. Hartini Zainudin iaitu seorang aktivis kanak-kanak mengatakan bahawa isu jenayah seksual ini semakin berleluasa kerana respons keluarga yang malu atau enggan melaporkan kejadian yang berlaku. Hal ini adalah disebabkan norma budaya dan masyarakat yang seringkali menyalahkan dan menjatuhkan hukum kepada mangsa kanak-kanak, sekaligus menjadi *enabler* kepada pelaku tersebut. Malah lebih teruk apabila pelaku tersebut merupakan individu yang dikenali oleh mangsa. Stigma tersebut juga menyumbang kepada kekurangan pelaporan penderaan seksual kanak-kanak.

Maka, hal ini menunjukkan bahawa kesedaran serta pengetahuan yang komprehensif oleh masyarakat mengenai keterlibatan kanak-kanak dalam jenayah seksual adalah amat penting bagi membanteras isu ini daripada menjadi lebih berleluasa. Hal ini turut disentuh oleh Datuk Seri Azalina Othman Said, iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Undang-undang dan Reformasi Institusi dalam laporan berita *Malaysia Gazette* (2024), yang

mengatakan bahawa setiap lapisan anggota masyarakat memainkan peranan yang penting untuk melindungi kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

Menurut Hazim et al. (2019), apabila terdapat kanak-kanak yang telah menjadi mangsa jenayah seksual ini, masyarakat serta semua pihak perlu peka dan bertindak segera supaya kebijakan kanak-kanak terbela. Masyarakat juga perlu peka dengan sekeliling serta perlu ada pengetahuan tentang cara menangani jenayah seksual kanak-kanak ini di samping memberikan persekitaran yang positif kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa supaya mereka tidak berasa terasing dan disisihkan. Perkara ini juga turut disebut oleh Fatin Najihah & Hapsah (2020), iaitu di samping pengetahuan ibu bapa amat penting untuk memastikan keselamatan kanak-kanak lebih terjamin, masyarakat juga perlu membantu kanak-kanak agar terus dilindungi daripada menjadi mangsa jenayah seksual. Muhammad Al-Ghazalli dan Mohd Al-Adib (2022) menyatakan bahawa masyarakat awam juga boleh menambah ilmu pengetahuan mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan bersama-sama memainkan peranan mereka untuk membanteras jenayah yang semakin parah ditelan zaman.

## Kesimpulan

Jenayah seksual kanak-kanak adalah salah satu jenayah kejam yang terdiri daripada serangan dan pencabulan kehormatan, dan ia adalah jalan yang membawa kepada zina dan rogol. Kesedaran dan pengetahuan yang komprehensif dalam kalangan masyarakat terutamanya ibu bapa memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa. Menurut undang-undang Islam, semua perbuatan yang menjelaskan kehormatan diri seperti jenayah seksual dianggap sebagai maksiat yang tidak mempunyai hukuman yang telah ditetapkan. Maka wajib baginya hukuman takzir. Dalam usaha membanteras jenayah ini, pengkaji yang lepas mencadangkan, perlu dirangka satu intervensi atau kerangka penyelesaian bagi membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual sama ada dari sudut pencegahan atau pemulihan. Jelas di sini, literasi undang-undang yang lengkap dan sempurna untuk melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa, masih belum dirangka dan dibina. Justeru, pengkaji bertindak untuk membuat kajian ini berkaitan pembinaan kerangka literasi undang-undang untuk melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual.

## Rujukan

- Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)
- Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016
- Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)
- Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof. 2012. Umur Pesalah Kanak-kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia* 24(1): 1-23.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣiruddīn. 1998. *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāud*. Jil. 1. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif.
- Asmi Asmidar Zainal Rashid, Mohammad Rahim Kamaluddin, Suzaily Wahab, Dayang Anita Abdul Aziz, Zarina Abdul Latiff & Balan Rathakrishnan. 2018. Kerentanan Kanak-

- kanak Malaysia terhadap Pengantunan Seksual Dalam Talian. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(3): 91-108.
- Al-Asyārī, Muhammad Bin Ḩallān Al-Ṣadīqī Al-Syāfiī. 1938. *Dalīl al-Fālihīn Li Ṭurūqī Riyādi al-Sālihīn*. Jil. 3. Beirut: Lubnan, Dar al-Kitāb al-Arabī.
- Astro Awani. Munirah A Sani. 2013. Kahwin Kerana Telah Diperkosa, Kata Bapa Remaja Cerai Talak Tiga. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kahwin-kerana-telah-diperkosa-kata-bapa-remaja-cerai-talak-tiga-26126> [5 Disember 2023].
- Berita Harian Online. Nor Afzan Mohd Yusof dan Mahani Ishak. 2017. Punca Aliran Serangan Seksual Kanak-Kanak Meningkat. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2017/03/259505/punca-aliran-serangan-seksual-kanak-kanak-meningkat>.
- Buletin TV3. Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin. 2024. 110 Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak Bawah 6 Tahun Dilapor Tahun Lalu. <https://www.buletintv3.my/nasional/110-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-bawah-6-tahun-dilapor-tahun-lalu/> [20 Januari 2024].
- Dorar al-Sunniyyah. Al-Mausūrah al-Hadīthiyyah, Syurūh al-Aḥādīth.* <https://dorar.net/hadith/sharh/66400>.
- ECPAT, INTERPOL & UNICEF. 2022. *Disrupting Harm* di Malaysia: Bukti mengenai Eksloitasi dan Penderaan Seksual Kanak-kanak dalam Talian. *Global Partnership to End Violence Against Children*.
- Eka Najihah Ramly, Azizah Zain & Zarina Eshak. 2020. Pengetahuan, Kesedaran dan Sikap Ibu Bapa Berkenaan Jenayah Pedofilia Terhadap Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)* 9: 1-8.
- Farahwahida Mohd Yusof, Arief Salleh Rosman, Tamar Jaya Nizar, Azlina Kosnin & Zaleha Nassir. 2019. Perkahwinan Kanak-Kanak: Kajian Dari Aspek Psikologi, Kesihatan Dan Agama. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 31: 55-75.
- Fatin Najihah Abdul Basir & Hapsah Md Yusof. 2020. Pandangan Ibu Bapa Terhadap Pesalah Seksual Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol. 9: 29-40.
- Imān Mas'ūdī. 2017. *Al-Taḥarrusyu al-Jinsi Bi al-Atfālī Wa Athārihi Fī al-Kibār*. Tesis Sarjana, Jabatan Sains Kemasyarakatan & Insaniah, Bahagian Sains Kemasyarakatan, Universiti Oum El Bouaghi Larbi Ben M'hidi, Algeria.
- Kanun Kesejahteraan (Akta 574)
- Lim Kah Cheng, Lynn Oh, Karen Lai & Melissa Mohd Akhir. 2000. Undang-undang berkaitan penderaan seksual kanak-kanak. Dlm. Women's Centre For Change (pnyt.). Buku Panduan Pencegahan Penderaan Seksual Kanak-kanak, Mengajar Kanak-kanak Langkah Keselamatan, hlm. 70-83. Pulau Pinang: Women's Centre For Change.
- Malaysia Gazette. 2024. Khairulanuar Yahaya. Trend Jenayah Seksual Kanak-Kanak Membimbangkan. <https://malaysiagazette.com/2024/01/09/trend-jenayah-seksual-kanak-kanak-membimbangkan/> [20 Januari 2024].
- Malaysia Kini. 2024. Koh Jun Lin. Jenayah seksual: Apa kata statistik dalam tempoh tiga tahun?. [https://www.malaysiakini.com/news/705927#google\\_vignette](https://www.malaysiakini.com/news/705927#google_vignette) [7 Jun 2024].

- Al-Māwardi, Abu Hasan Ḩāfiẓah Muḥammad. 1989 & 2008. *Al-Aḥkām al-Sultaniyyah*. Kuwait: Maktabah Dār Ibn Qutaibah.
- Al-Mehlāwi, Anis Ḥasīb al-Sayyid. 2019. *Jarīmat al-Taharrusyu al-Jinsi Fī al-Qānūn al-Jinātī Wa al-Fiqh al-Islāmī*. Majallah Kulliyah al-Syarī’ah Wa al-Qānūn Bi Tantā Disember: 280-409.
- Mohammad Hazim Amir Nordin, Nurhafizah Amir Nordin, Aishah Abdul Ghani & Khairul Azrin Muhammad. 2019. Mengenal Pasti Tingkah Laku dan Peringkat Awal Kesihatan Mental Mangsa Gangguan Seksual Kanak-kanak. E-Pro siding Persidangan Kaunseling Profesional. Hospital Rehabilitasi Cheras Kuala Lumpur. H. 215-231.
- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *JUUM*. 19:37-49.
- Muhammad Al-Ghazalli Abdol Malek & Mohd Al Adib Samuri. 2022. Impak Perkahwinan Kanak-Kanak Terhadap Pemberdayaan Wanita Dan Pendekatan Islam Dalam Menanganinya. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol. 27: 46-67.
- Mursi, Muhammad Mursi Muhammad. 2007. *Al-Taharrusyu al-Jinsi Bi al-Atfālī*. Majallah al-Tarbiah Qatar 36(162): 198-219.
- Nik Rahim Bin Nik Wajis, Mualimin Mochammad Sahid, Mohamad Ismail Bin Hj Mohamad Yunus & Nurliyana Shahira Binti Baharli. 2020. Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Had Umur Minimum Dan Implikasinya. *Malaysian Journal of Syariah and Law USIM*, vol. 8, 2:15-30.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa’ Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Konsep Pengabaian Dan Kecuaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law USIM*, vol. 7, 1(6): 57-70.
- Al-Qurṭubī, Abī Ḩabdillah Muḥammad Bin Aḥmad Bin Abī Bakr. 2006. *Al-Jāmi’ Li Aḥkāmi al-Qurān*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Siti Aishah Mohd Yusof & Nur Saadah Mohamad Aun. 2017. Pengetahuan Ibu bapa Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. *Jurnal Wacana Sarjana* Jil. 1(1): 1-14.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, Jil. 16 (Keluaran Khas): 537-554.
- UNICEF & Universiti al-Azhar. 2016. *Al-Manzūr al-Islāmī Li ḥimāyatī al-Atfāl Min al-‘Anf Wa al-Mumārasāt al-Dārrah*.
- Utusan Malaysia. 2024. Nor Afzan Mohamad Yusof. Masyarakat Punca Jenayah Seksual Kanak-kanak Meningkat. <https://www.utusan.com.my/terkini/2024/01/masyarakat-punca-jenayah-seksual-kanak-kanak-meningkat/> [20 Julai 2024].